

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan analisa kes penderaan kanak-kanak di Malaysia dan puncanya sejak tahun 2000 hingga 2015.**

## **JAWAPAN:**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap kes-kes penderaan kanak-kanak yang semakin berleluasa sejak akhir-akhir dan memerlukan perhatian segenap lapisan masyarakat. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menggunakan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dalam mengambil tindakan untuk menyelamatkan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan.

Mulai tahun 2001 hingga September 2014 negeri yang mencatatkan jumlah kes yang paling tinggi adalah negeri Selangor iaitu 10,184 (29.8%), diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjumlah 6,930 (20.3%) seterusnya Negeri Perak 2,843 (8.33%). Labuan adalah negeri yang mencatatkan jumlah kes paling rendah iaitu 4 kes (0.01%).

Data yang dikumpulkan dalam tempoh 2001-2014 menunjukkan pola kes kanak-kanak yang dianiaya dan diabai yang kian meningkat. Pada tahun 2001 jumlah kes yang didaftarkan adalah 1,036 kes, bagi tahun 2002 berjumlah 1,242 kes, tahun 2003 meningkat kepada 1,390 kes, tahun 2004

berjumlah 1,656 kes, sementara pada tahun 2005 meningkat kepada 1,800 kes, jumlah kes pada tahun 2006 adalah 1,999 kes, seterusnya pada tahun 2007 kes yang direkodkan berjumlah 2,279 kes. Pada tahun 2008 meningkat kepada 2,314 kes, tahun 2009 jumlah kes adalah 2,789 kes, tahun 2010 mencatatkan jumlah 3,257 kes, tahun 2011 meningkat kepada 3,428 kes. Pada tahun 2012 kes yang dicatatkan berjumlah 3,831 kes, tahun 2013 kes meningkat kepada 4,119 kes, sehingga September 2014 kes yang direkodkan adalah berjumlah 3,024 kes.

Berdasarkan kes kanak-kanak yang dirujuk kepada JKM dan yang direkodkan oleh JKM, adalah didapati bahawa punca insiden penderaan kanak-kanak berlaku adalah seperti berikut:

- Pendera kaki botol (pemabuk);
- Kanak-Kanak hyperaktif;
- Kanak-kanak diperolehi oleh orang lain semasa kecil ;
- Pendera juga mangsa dera;
- Pendera alami masalah kesihatan mental;

- Pendera kaki judi;
- Kanak-Kanak merupakan anak tiri/angkat;
- Kepercayaan karut/adat;
- Pendera penagih;
- Pendera menghadapi masalah kewangan;
- Kanak-kanak merupakan anak tidak sah taraf;
- Pendera terlibat dengan jenayah;
- Pendera gila seks;
- Perebutan hak jagaan oleh ibu atau bapa berpunca daripada konflik dalam rumahtangga;
- Bayi/kanak-kanak cacat; dan
- Pendera merupakan teman lelaki/ wanita